

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI JUMAAT, 26HB. MAC 1982, PUKUL 3.00 PETANG

Bil. 5

1

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB MULUT

- *1. Puan Ragayah Ariff minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bolehkah Kementerian ini mengadakan syarat kepada kedai-kedai pajak gadai supaya mencatatkan di surat gadai itu berat barang-barang emas yang digadai supaya tidak berlaku satu-satu masalah bila barang-barang itu ditebus kembali.

- *2. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tidakkah ada rancangan untuk membesarkan pementung jambatan di hadapan Masjid Universiti dan jambatan Jalan Pantai Halt berhampiran Jalan Keretapi ke Klang, yang mana kedua-dua pementung jambatan ini menyebabkan air menyenak apabila hari hujan yang menyebabkan kawasan Universiti Malaya dan jalanraya di sekelilingnya dipenuhi air dan menyebabkan kesesakan lalulintas kerana air tidak dapat mengalir melalui pementung tersebut kerana terlalu kecil.

- *3. Dato' Yap Peng minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa wang cagaran untuk masuk hospital/rawatan boleh dibayar dalam tempoh 24 jam dan tidak dikehendaki dibayar serta merta dan sama ada pihak-pihak yang berkenaan di hospital telah diberi arahan mengenai perkara ini.

- *4. Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah kedudukan mengenai Pelabuhan Kuantan setakat ini.

- *5. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan rancangan Kementerian beliau untuk menawarkan rumah pangsa kepada penduduk-penduduk khususnya setinggan-setinggan yang menduduki di tepi sungai di beberapa tempat di Wilayah Persekutuan oleh kerana tempat-tempat ini selalu dilanda banjir dan menjadi satu ancaman kepada nyawa penduduk pada masa banjir.

- *6. Tuan Haji Tuan Yaacob bin Engku Yunus minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pihak Pemborong telah gagal melaksanakan kerja-kerja berikut:
 - (a) 4 buah sekolah Sungai Rasau, Pasir Putih, Kelantan menelan belanja hampir dua juta ringgit;
 - (b) projek pembinaan sekolah di Pulau Chondong dan Dewan Besar, Labok, Machang, Kelantan;

/ks.

- (c) masjid di mukim Dalam Kerawat, Pulau Chondong; dan
- (d) pembinaan Pondok Polis Banggul Judah, dan juga Asrama Sekolah Menengah Hamzah, Machang, Kelantan;

jika sedar, nyatakan tindakan yang akan diambil.

- *7. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk memberi kemudahan khas kepada Pensyarah-pensyarah dan kakitangan-kakitangan kanan di Universiti di negara ini, dan sama ada semua kemudahan dan keistimewaan yang diuntukkan sekarang ini memuaskan dan berpatutan memandangkan khidmat bakti dan jasa yang telah ditaburkan oleh mereka kepada negara;
(ii) adakah benar bahawa sejauh ini kebajikan dan kepentingan pensyarah pensyarah dan kakitangan-kakitangan Universiti di negara telah tidak dititikberatkan dan diutamakan jika ya, mengapa.
- *8. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Lembaga Perlesenan Jalanraya telah meluluskan beratus-ratus permit teksi Singapura untuk masuk berulang alik antara Singapura dan Johor Bahru sedangkan permit-permit teksi Malaysia yang berulang alik ke Singapura adalah tersangat kecil bilangannya dan nyatakan syarat yang dipersetujui di antara kedua-dua negara ini mengenai perjalanan teksi di kedua-
kedua buah negara tersebut.
- *9. Tuan Haji Abdul Hamid Tahir minta Menteri Pertahanan menyatakan:
 - (a) sebab-sebab mengapa juruteknik kita masih dihantar keluar negeri untuk mengambil latihan asas memandangkan bahawa Depot Baik Pulih Kapal Terbang Angkatan Tentera Udara kita di Subang sudah berkupayaan menjalankan tugas ini dan
 - (b) sama ada Kerajaan bercadang hendak melengkapkan sepenuhnya Depot tersebut dengan kemudahan latihan sehingga menjadi sebuah markas latihan yang terkenal di rantau ini.
- *10. Dato' Chin Kim Yoong minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji supaya doktor-doktor yang berkhidmat di Hospital-hospital boleh dikecualikan daripada lulus peperiksaan Kerajaan, memandangkan tanggungan mereka terlalu berat dan untuk menggalakkan mereka terus berkhidmat dengan Kerajaan.
- *11. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebanyakan pekerja-pekerja di ladang terpaksa tinggal di rumah-rumah yang tidak sesuai, jika ya, apakah langkah-langkah Kementerian akan ambil untuk mengatasinya.

/ks.

- *12. Dr Choo Koi Fook minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan langkah-langkah yang beliau akan ambil untuk meningkatkan mutu sukan di negara kita, memandangkan prestasi pasukan negara kita yang kurang memuaskan di Sukan SEA di Manila pada Disember, 1981.
- *13. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah reaksi negeri-negeri luar dan pertubuhan antara bangsa yang mengagung-agungkan hak asasi manusia terhadap pelawaan yang dibuat oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri Malaysia untuk mengambilalih mereka yang ditahan oleh negara ini di bawah ISA, dan adakah negeri atau pertubuhan itu yang telah menyambut pelawaan itu.
- *14. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Pertanian menyatakan mulai tahun depan bantuan subsidi telah diberi kepada penternak-penternak ikan air tawar untuk membuat kolam ikan.
- *15. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menubuhkan lebih banyak pusat latihan belia seperti yang ada di Dusun Tua memandangkan banyaknya murid-murid yang tercicir dan bertambahnya bilangan belia yang berhijrah dari luar bandar ke bandar dan sama ada Kementerian boleh menambah bilangan pengambilan bukan bumiputra ke pusat-pusat ini, supaya matlamat Kerajaan untuk membina satu bangsa yang bersatupadu berdasarkan muhibbah dan kesafahaman akan tercapai dengan lebih segera.
- *16. Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menurunkan harga minyak petrol/diesel dalam masa tidak berapa lama lagi.
- *17. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Penerangan menyatakan benarkah skandal seks telah berlaku di RTM seperti mana yang dilaporkan oleh sebuah akhbar di negara ini. Jika benar apakah tindakan Kementerian akan ambil mengenai perkara tersebut.
- *18. Tuan K. Kumaran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:-
- (a) sama ada beliau sedar Negara-negara Pengeluar minyak telah mengurangkan harga minyak mentah di pasaran dunia baru-baru ini;
 - (b) Jika ya, sama ada beliau bercadang mengurangkan harga minyak pengeluaran negara ini berikutan dengan kekurangan harga minyak di pasaran dunia itu; dan
 - (c) sama ada kerajaan akan mengkaji kemungkinan mengurangkan harga minyak petrol, disel dan gas bagi pengguna-pengguna negara ini.

- *19. Dato' Yap Peng minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada hari Isnin, lhb. Mac yang lepas hujan turun seperti biasa di kawasan Kuala Lumpur, tetapi keadaan banjir di sekitar Kuala Lumpur adalah terlalu buruk sehingga berbatu-batu panjangnya kesesakan lalulintas dan berpuluh-puluh kereta rosak akibat banjir dan jika sedar sama ada beliau akan mengkaji sebab-sebabnya, seperti longkang yang tersumbat dan lain-lain, dan nyatakan tindakan beliau akan ambil supaya kesesakan lalulintas di Kuala Lumpur oleh kerana banjir tidak akan berlaku lagi.
- *20. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk menghantar bilangan besar para pelajar ke negara sebelah timur selaras dengan konsep arah ke timur yang menjadi dasar baru Kerajaan
- *21. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pertanian menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh beliau untuk meninggikan lagi taraf dan corak hidup kaum nelayan di negara ini dan sama ada Kerajaan akan menggalakkan mereka menceburi dan menggiatkan diri di dalam bidang pertanian.
- *22. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah akuannya yang telah diterima dari negara-negara Islam untuk tujuan melabur dan usahasama di negara ini.
- *23. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada siasatan di atas kemalangan kapalterbang yang melibatkan Menteri Luar Negeri sudah selesai; jika ya, apakah sebab-sebabnya kemalangan tersebut telah berlaku.
- *24. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk memperindahkan dan mencantikkan Bandaraya Kuala Lumpur di dalam tahun 1980 dan 1981 dan sama ada projek tersebut mencapai kejayaan.
- *25. Tuan Haji Abdul Hamid Tahir minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang hendak mengubahsuaikan borang pendaftaran beranak/mati yang sedang digunakan sejak zaman penjajah dahulu kepada satu bentuk sesuai dengan keadaan negara yang sudah merdeka selama ini.
- *26. Datuk G. Pasamanickam minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa keadaan kesihatan di beberapa buah ladang tidak memuaskan dan jika sedar apakah langkah-langkah yang Kementerian bercadang ambil untuk memperbaikinya.
- *27. Dato' Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Perdana Menteri menyatakan keputusan Kerajaan mengenai elaun sewa rumah bagi kakitangan kerajaan yang dituntut oleh CUEPACS.
- *28. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan boleh menggalakkan lebih ramai penuntut yang ingin melanjutkan pelajaran supaya menimbangkan institusi-institusi pengajian tinggi di negara-negara dunia ketiga memandangkan bahawa teknologi dan pelajaran yang terdapat di setengah negara-negara yang sedang membangun ini mungkin lebih murah dan senang mendapat tempat di samping berguna untuk keperluan negara.

- *29. Tuan Ariffin bin Salleh minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang hendak mengubah masa persekolahan berasaskan kepada masa baru yang dipakai di Malaysia.
- *30. Tuan K. Kumaran minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:
- (a) sama ada Kerajaan telah menerima sebarang permohonan dari negara-negara asing untuk menerima orang-orang tahanan yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri; dan
 - (b) jika ya, nyatakan negara-negara yang memohon dan bilangan orang tahanan yang terlibat.
- *31. Tuan Haji Ibrahim Abdullah minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah negara-negara ASEAN akan mengujutkan perjanjian pertahanan, jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.
- *32. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah yang sedang diambil memandangkan apabila sahaja diiklankan satu-satu projek perumahan Kerajaan atau swasta, beribu-ribu manusia membanjiri dan telah menunggu sejak subuh-subuh lagi untuk mendapatkan borang sedangkan rumah yang disediakan hanya bilangan ratusan sahaja.
- *33. Tuan Alexander Y. Lee minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa dalam Ucapan Belanjawan beliau, beliau telah meramalkan bahawa pemulihan ekonomi negara-negara barat akan berlaku dalam separuh masa kedua tahun ini dan ini akan memulihkan juga ekonomi negara kita dan sama ada beliau masih berpendapat bahawa ramalan beliau ini betul.
- *34. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan apakah mustahaknya Privy Council diteruskan bagi mengulang bicara kes dalam Malaysia dan tidakkah perkara ini akan mengugat kedudukan mahkamah negara.
- *35. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memberi sepenuh perhatian dan mengawal kebersihan sungai-sungai agar tidak dicemar oleh buangan sisa-sisa industri, najis dan sampah sarap.
- *36. Tuan Haji Abdul Hamid bin Tahir minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengkaji hukuman maksima yang dikuatkuasakan ke atas perompak, perogol dan pencuri memandangkan semakin bertambahnya kejadian-kejadian jenayah ini tiap-tiap tahun.
- *37. Dr. Choo Kooi Fook minta Perdana Menteri menyatakan mengapa beliau menarik balik perintah menghendakkan semua kakitangan Kerajaan mengistiharkan harta benda mereka dan memerlukan pegawai-pegawai Superscale D ke atas sahaja untuk membuat pengistiharan.

/ks.

- *38. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat kenyataan-kenyataan baru-baru ini dari Timbalan Perdana Menteri yang telah menyatakan bahawa buruh-buruh dari Indonesia akan dibawa masuk secara teratur ke Malaysia dan juga dari pihak Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam yang mengatakan bahawa usaha-usaha sedang dibuat untuk mengambil lebih ramai buruh-buruh dari India untuk bekerja di Malaysia, dan jika sedar, nyatakan kenyataan mana yang betul.
- *39. Tuan Haji Azlan Kinjawan minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sistem 3R memerlukan lebih ramai guru, dan jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian tersebut bagi mengatasi masalah tersebut.
- *40. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Perdana Menteri menyatakan apakah sambutan dari anggota Negara-negara ASEAN tentang penubuhan Perbadanan Minyak ASEAN yang telah dicadangkan.
- *41. Tuan S. I. Rajah minta Perdana Menteri menyatakan mengapa siswa-siswa veterinar dari Pakistan, India, Bangladesh, Taiwan dan Indonesia masih ditempatkan dalam Bahagian Dua dalam Perkhidmatan Awam manakala latihan akademik mereka telah didapati sama dalam teori dan amali berbanding dengan rakan sejawat mereka dari universiti-universiti yang mendapat pengiktirafan Kerajaan.

/ks.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT

"USUL URUSAN"

1. Menteri Tak Berpotfolio akan mencadangkan:

Bahawa, walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT

1. (DR. 5/82) Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) Menyambung semula Perbahasan atas Masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb. Mac, 1982).
2. (DR.3/82) Rang Undang-undang Badan Pencegah Rasuah. Bacaan Kali Yang Kedua.

K.

RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

1982

Tarikh Dibentangkan

DN. 1/82

Laporan Yang Pertama Jawatankuasa Pemilih
Dewan Negara Penggal Keempat Parlimen Yang
Kelima

25hb Mac, 1982